

**SOALAN NO: 16****PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH : SELASA, 28 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : L20 [PR-1353-L03344]**

**SOALAN :**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tujuan mengadakan perbincangan kumpulan tumpuan (*focus group discussion*) dan keputusan setakat ini berkaitan dengan Pelan Tindakan Pembangunan Kawasan Industri bagi Kampung Baru 2016-2025 yang dilaksanakan oleh DBKL. Bagaimanakah pengusaha industri dan perniagaan sedia ada termasuk penduduk-penduduk akan dipengaruhi atau mendapat manfaat di bawah Pelan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, kawasan Kampung Baru tidak terlibat dalam kajian **Pelan Perancangan Pembangunan Kawasan Industri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016-2025 (PPPKIWPKL 2016-2025)**.

Pelan Perancangan Pembangunan Kawasan Industri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016-2025 (PPPKIWPKL 2016-2025) yang dijalankan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melibatkan kawasan **Kampung Cheras Baru** yang merupakan kawasan luar zon industri.

Tujuan mengadakan sesi '*focus group discussion*' (FGD) ini adalah untuk mengenalpasti isu dan mendapatkan pandangan awam mengenai industri di kawasan kajian. Melalui sesi FGD ini dapat membantu pihak DBKL menyediakan Pelan Perancangan Pembangunan Kawasan Industri yang lebih mampan.

Hasil penemuan sesi FGD telah mengenalpasti 4 aspek utama iaitu ekonomi, sosial, alam sekitar, dan gunatanah. Hasil ini digunakan untuk merangka pembangunan industri mampan di kawasan Kampung Cheras Baru. Kajian ini masih dalam proses penyediaan PPPKIWPKL 2016-2025 oleh DBKL.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan PPPKIWPKL 2016-2025 ini dapat memberi manfaat kepada pengusaha industri dan perniagaan sedia ada serta penduduk yang terlibat.